

Laporan nahas 2 bulan lagi

CYBERJAYA: Hasil siasatan awal berhubung kemalangan bas persiaran menyebabkan 28 maut dan sembilan cedera di Jalan Simpang Pulai, Cameron Highlands 20 Disember tahun lalu akan diketahui dalam tempoh dua bulan lagi.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha, berkata siasatan Badan Siasatan Bebas ditubuhkan 22 Disember lalu dan dipengerusikan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Ir. Radin Umar Radin Sohadi serta beberapa ahli panel lain.

“Badan ini sudah mengadakan mesyuarat pertama

baru-baru ini dan susulan ini mereka akan menyediakan satu laporan dalam tempoh dua bulan berkaitan siasatan kemalangan.

“Banyak agensi berkaitan dipanggil panel badan berkenaan bagi memberikan keterangan dan membentangkan hasil siasatan mereka sendiri sebelum hasil siasatan sepenuhnya dapat diperolehi,” katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Pusat Data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Solah Mat Hassan.